



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

2 OKTOBER 2018

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MENGHARGAI PEGAWAI MAHIR BERBAHASA
ISYARAT YANG MEMBANTU PELANGGAN OKU**

1. Kementerian Pengangkutan Malaysia amat berbangga dan memberikan sekalung penghargaan kepada Pembantu Penguatkuasa, Gred KP 19, Nurul Fatimah Shamsudin Shah di atas sifat komited dalam memberikan perkhidmatan yang luar biasa kepada pelanggan Orang Kelainan Upaya (OKU) di Pejabat JPJ WPKL baru-baru ini.
2. Rakaman video berdurasi seminit 30 saat berkenaan perkara ini yang tular di media sosial telah mendapat pujian netizen apabila dia menggunakan bahasa isyarat ketika berkomunikasi dengan seorang wanita OKU yang datang membuat aduan di pejabat JPJWPKL.
3. Wanita itu ditemani suaminya yang juga OKU pekak dan bisu. Pasangan itu dilaporkan mengadu mengenai tindakan sebuah sekolah memandu yang sudah mengambil wang, namun tidak meneruskan proses pengambilan lesen. Pihak JPJ WPKL telah mengambil laporan lengkap berkenaan perkara ini dan telah mengambil tindakan terhadap isu ini.
4. Tindakan telah dilakukan dengan memanggil pengadu ke JPJ Wangsa Maju dan dibawa berjumpa terus dengan Pengurus Institut Memandu SKEM. Pada perjumpaan tersebut, Institut Memandu SKEM telah bersetuju untuk mengatitkan kelas pembelajaran seterusnya mengambil ujian sebelum Lesen Belajar Memandunya tamat tempoh.
5. Tarikh cadangan adalah pada 17 Oktober 2018 dan pihak SKEM tidak akan mengambil sebarang bayaran berikutan rasa tanggungjawab dan khidmat sosial (CSR) terhadap pengadu. Ini adalah memandangkan Sekolah Memandu Samudra merupakan agen atau francais Institut Memandu SKEM.

6. Pihak Kementerian dimaklumkan juga bahawa kemahiran pegawai ini disemai sejak di bangku sekolah lagi apabila beliau telah mengikuti kelas bahasa isyarat sekadar suka-suka bagi mengisi masa lapang di asrama sewaktu bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Ampuan Durah (STAD), Seremban, Negeri Sembilan.

7. Sehubungan itu, saya amat memuji sikap yang ada pada pegawai ini dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang awam. Nilai tambah kemahiran yang ada pada pegawai ini haruslah menjadi contoh tauladan yang baik kepada semua penjawat awam dalam memartabatkan perkhidmatan awam kelas pertama.

-TAMAT-